

# Warga emas disaran daftar SMUE

Skim tersebut bantu waris urus pengbumian setelah pemohon meninggal dunia



Kee Hiong menyampaikan wang khairat SMUE peringkat dua kepada waris dalam satu majlis di pejabatnya.

**KUALA KUBU BHARU** – Rakyat di negeri ini yang berusia 60 tahun ke atas disaran untuk supaya mendaftar Skim Mesra Usia Emas (SMUE) bagi memastikan bantuan RM2,500 dapat disalurkan kepada waris terdekat.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, bantuan tersebut bertujuan meringankan kos pengurusan kematian apabila wang berkenaan akan diberikan kepada waris selepas pemohon meninggal dunia.

Menurutnya, individu yang melepas had umur tetapi tidak mendaftar akan menimbulkan kesukaran menuntut wang pendahuluan sebanyak RM1,000.

“Apabila meninggal dunia, waris boleh menuntut dari Pusat Khidmat Dun dan pembayaran RM2,500 ini

akan dilakukan dalam dua peringkat. Peringkat pertama sebagai pendahuluan sebanyak RM1,000 dan selebihnya pada peringkat kedua.

“SMUE adalah salah satu agenda Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor sejak kerajaan Pakatan Rakyat mentadbir Selangor yang dilancar secara rasmi pada Oktober 2008,” katanya ketika menyampaikan bantuan khairat kematian SMUE kepada waris di pejabatnya di Kuala Kubu Bharu.

Kee Hiong berkata, bantuan tersebut dapat digunakan untuk pembayaran pengurusan jenazah dan pengbumian serta menyelesaikan sebahagian atau keseluruhan hutang si mati dan sebagainya.

Menurutnya, pemohon mesti lahir di negeri ini atau

● Pemohon mesti lahir di negeri ini atau  
**INFO**  
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pendaftaran mengikut alamat tempat tinggal sebagaimana tercatat di dalam MyKad

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan pendaftaran mengikut alamat tempat tinggal sebagaimana tercatat di dalam MyKad.

“Sejak dilancarkan sehingga 31 Mac 2017, kerajaan negeri telah membayar sebanyak RM201.088 juta kepada penama yang diaftarkan dan ahli keluarga mereka sudah meninggal dunia,” katanya.